



14 Safar 1448H
29 Julai 2026M

Rujukan: CL/KM3K/PENT/05/PEN

NOTIS MAKLUMAN

**PENUTUPAN KAUNTER PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN SERTA
PERPINDAHAN PEJABAT TANAH DAERAH BRUNEI DAN MUARA DAN BAHAGIAN REGISTRASI DAN HAK
MILIK STRATA KE BANGUNAN BARU (BEKAS BANGUNAN TELBRU)
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, SIMPANG 55, BERAKAS**
(Untuk disiarkan pada 29 Julai 2026, serta merta)

Bandar Seri Begawan, 29 Julai 2026 – Jabatan Tanah ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara serta Bahagian Registri dan Hak Milik Strata akan berpindah sepenuhnya ke bangunan baharu yang terletak di alamat seperti berikut:

Alamat Pejabat Baharu:

Pejabat Tanah Daerah Brunei dan Muara (**Bekas bangunan TelBru**),
Simpang 55, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3513.
(Peta seperti Lampiran)

Kaunter-kaunter berkenaan akan mula beroperasi di lokasi baharu mulai hari **Sabtu, 1 Ogos 2026**. Bermula pada tarikh tersebut, semua urusan perkhidmatan kaunter hendaklah dibuat di bangunan baharu berkenaan.

Sehubungan dengan itu, bagi memberikan laluan kepada urusan pemindahan ke lokasi baharu, kaunter-kaunter berkenaan akan ditutup selama satu (1) hari iaitu pada hari **Khamis, 30 Julai 2026**.

Dengan pemindahan pejabat ini, segala urusan perkhidmatan tanah dan pembayaran akan disambung semula di lokasi baharu mulai tarikh yang dinyatakan di atas. Orang ramai boleh hadir untuk mendapatkan perkhidmatan berikut:



- Pembayaran Cukai Tanah dan lain-lain pembayaran transaksi tanah;
- Permohonan Pindahmilik Tanah,
- Pendaftaran Waris,
- Permohonan Geran Tanah Hilang, Rosak atau Hangus;
- Permohonan Kaveat Tanah;
- Permohonan Tukar Syarat Khas Tanah;
- Permohonan Gadaian,
- Permohonan Membaharui Tempoh Pajakan Tanah;
- Permohonan Memajak Tanah Persendirian;
- Permohonan Menyambung Tanah Lesen Tumpang Sementara;
- Permohonan Jalan Laluan Di Atas Tanah Kerajaan;
- Menghalakan Saliran ke Tanah Kerajaan;

Manakala, perkhidmatan atau urusan yang lain seperti berkenaan di Pejabat Pesuruhjaya Tanah, Bahagian Pemerolehan dan Pelupusan Tanah, Bahagian Penilaian, Bahagian Perkhidmatan dan Perkembangan dan Bahagian Pematuhan dan Perundangan adalah masih lagi beroperasi di ibu pejabat, Jabatan Tanah.

Jabatan Tanah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada orang ramai di atas kesabaran dan kefahaman sepanjang proses tempoh pemindahan ini berlangsung.

Untuk sebarang pertanyaan atau pun maklumat lanjut mengenai waktu operasi kaunter-kaunter di Jabatan Tanah, orang ramai bolehlah menghubungi melalui whatsapp di talian 7507878 atau e-mel info.land@land.gov.bn. Orang ramai juga boleh melayari laman sesawang Jabatan Tanah di **www.land.gov.bn** atau mengikuti Instagram rasmi Jabatan Tanah melalui akaun **[@jabatantanah.bn](https://www.instagram.com/jabatantanah.bn)**.



NOTIS MAKLUMAN (LAMPIRAN)

PENUTUPAN KAUNTER PERKHIDMATAN DAN PEMBAYARAN SERTA
PERPINDAHAN PEJABAT TANAH DAERAH BRUNEI DAN MUARA DAN BAHAGIAN REGISTRASI DAN HAK
MILIK STRATA KE BANGUNAN BARU (BEKAS BANGUNAN TELBRU)
JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, SIMPANG 55, BERAKAS

